

# MODUL PENDIDIKAN SIVIK DALAM SEJARAH



## Tajuk: Mempertahankan Keutuhan Negara

**Nilai Teras:** Kasih sayang

**Masa:** 1 jam

**SK:** 12.1 Konsep Kedaulatan Negara

**SP:** K12.1.5 Menerangkan kebijaksanaan dalam menghadapi cabaran mengekalkan kedaulatan negara.

### Objektif:

Pada akhir pengajaran dan pembelajaran, murid akan dapat:

1. Menyatakan maksud kedaulatan.
2. Menyenaraikan **empat** ciri negara berdaulat.
3. Menjana idea tentang cara mempertahankan kedaulatan negara.

## Aktiviti Literasi Sivik: Set induksi

1. Guru menunjukkan petikan dari filem berikut:
  - (a) Bukit Kepong – [https://www.youtube.com/watch?v=8\\_e94h2leWY](https://www.youtube.com/watch?v=8_e94h2leWY)
  - (b) Leftenan Adnan – <https://www.youtube.com/watch?v=guo9RqXoTxw>
2. Guru bersoal jawab tentang perasaan murid selepas melihat filem tersebut.

## Aktiviti Literasi Sivik 1

1. Guru bersoal jawab dengan murid tentang maksud kedaulatan dan kemerdekaan.
2. Murid diminta menyenaraikan penjajah yang pernah menjajah negara kita.

## Aktiviti Literasi Sivik 2

1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
2. Setiap kumpulan akan memilih mana-mana hasil kreatif seperti berikut:
  - (a) Lagu
  - (b) Sajak
  - (c) Poster
  - (d) Drama
3. Persembahan setiap kumpulan hendaklah bertemakan tajuk berikut:

Kedaulatan Negara Tanggungjawab Bersama

4. Setiap kumpulan akan membuat persembahan di hadapan kelas.

## Aktiviti Literasi Sivik 3

1. Setiap kumpulan dikehendaki mencadangkan aktiviti yang boleh dijalankan semasa Bulan Kemerdekaan.
2. Ahli kumpulan akan membentangkan cadangan aktiviti tersebut dalam bentuk infografik atau peta i-Think.

**Refleksi:** (*Diisi oleh guru sebaik sahaja selesai pengajaran*)